

**Umat Islam Jangan Tolak Perpaduan Hanya Kerana Politik – Shahrizat
Bernama
14 Ogos, 2012**

KUALA LUMPUR, 14 Ogos (Bernama) -- Umat Islam di negara ini tidak sepatutnya menolak perpaduan dan berpecah belah hanya kerana perbezaan fahaman politik, kata Ketua Pergerakan Wanita Umno Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil.

Beliau berkata perpecahan umat Islam akan membawa kepada kehancuran, malah merugikan generasi muda yang berpotensi menerajui dan memajukan negara.

Justeru, bekas Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat itu berharap golongan ibu dapat memainkan peranan mendidik anak berhubung nilai perpaduan yang perlu dipertahan di kalangan umat Islam.

"Didikan dari rumah yang menentukan umat Islam di Malaysia terus menjadi umat Islam contoh yang bersatu-padu, aman dan bersama-sama dalam menyebarkan syariat Islam," katanya kepada pemberita selepas menyertai tadarus dan mengetuai majlis Khatam Al-Quran anjuran Wanita Umno di Masjid Asy-Syakirin, Pusat Konvensyen Kuala Lumpur.

Majlis itu, yang disertai lebih 2,000 anggota Wanita Umno dan badan bukan kerajaan, dipimpin qariah negara, Sharifah Khasif Syed Badiuzzaman.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=688068>